

FORMAT PERTANDINGAN MUSABAQAH HAFAZAN AL-QURAN

IHTIFAL ULUL ALBAB MRSM SEMALAYSIA 2017

KATEGORI :

- 1) 1 – 10 JUZUK & TARANNUM (LELAKI)
- 2) 1 – 10 JUZUK & TARANNUM (PEREMPUAN)
- 3) 1 – 20 JUZUK (LELAKI TERBUKA)
- 4) 1 – 20 JUZUK (PEREMPUAN TERBUKA)
- 5) 1 – 30 JUZUK & TAFSIR (TERBUKA)

PENYERTAAN :

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

- 1) MRSM KOTA PUTRA
- 2) MRSM GEMENCHEH
- 3) MRSM KEPALA BATAS
- 4) MRSM SUNGAI BESAR
- 5) MRSM MINI ULUL ALBAB

JEMPUTAN SEKOLAH LUAR

- 1) S.M IMTIAZ ULUL ALBAB MELAKA
- 2) S. M. TAHFIZ AL-QURAN CHENDERAH JASIN MELAKA
- 3) MAAHAD AHMADI GEMENCHEH NEGERI SEMBILAN
- 4) S. M. AGAMA KUALA PILAH NEGERI SEMBILAN
- 5) S. M. AGAMA KLUANG JOHOR
- 6) MAAHAD MUAR, JOHOR.

Syarat-Syarat Pertandingan

- 1) Peserta **terbuka kepada pelajar Tingkatan 1 hingga 5.**
- 2) Peserta hendaklah terdiri daripada pelajar MRSM yang menuntut di MRSM tersebut.
- 3) Setiap peserta hanya boleh menyertai satu kategori pertandingan sahaja.
- 4) Kategori yang akan dipertandingkan adalah 1-10 juzuk, 1-20 juzuk dan 1-30 juzuk.

5) Penyertaan adalah seperti berikut:

Kategori	Penyertaan		
	MRSM Ulul Albab	MRSM Mini Ulul Albab	S.M Imtiaz Ulul Albab Melaka S. M. Tahfiz Al-Quran Chenderah Jasin Maahad Ahmadi Gemencheh Institut Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat N9 S. M. Agama Kluang Johor Maahad Johor, Johor Baharu.
1-10 Juzuk & Tarannum(L)	2 peserta lelaki	Seorang peserta sahaja sama ada lelaki atau perempuan	-
1-10 Juzuk & Tarannum(P)	2 peserta perempuan		-
1-20 Juzuk (L)	2 peserta lelaki	Seorang peserta sahaja sama ada lelaki atau perempuan	1 peserta lelaki
1-20 Juzuk (P)	2 peserta perempuan		1 peserta perempuan
1-30 Juzuk & Tafsir(Terbuka)	4 orang peserta lelaki atau perempuan	Seorang peserta sahaja sama ada lelaki atau perempuan	1 peserta lelaki dan 1 peserta perempuan

- 6) Maktab yang tidak dapat menghantar peserta bagi setiap kategori adalah dibenarkan.
- 7) Peserta yang gagal memenuhi syarat-syarat di atas maka penyertaannya terbatal.
- 8) Pakaian baju melayu kebangsaan bagi lelaki dan baju kurung/jubah bagi perempuan.

Bentuk Ujian

- 1) Setiap peserta diuji hafazan Al-Quran melalui beberapa potongan ayat daripada juzuk-juzuk yang ditetapkan.
- 2) Peserta dikehendaki mempersembahkan bacaan hafazannya mulai daripada ayat-ayat yang dikemukakan mengikut arahan *Hakim Fatih*.

Pilihan dan Penentuan Ayat

- 1) Setiap peserta dikehendaki memilih satu sampul surat yang mengandungi ayat-ayat yang ditentukan.
- 2) Peserta akan diuji dengan soalan hafazan mengikut kategori seperti berikut:
- 3) Setiap peserta mengetahui ayat-ayat yang dipilihnya setelah ayat-ayat itu dikemukakan kepadanya oleh Hakim Fatih.

Cara Mengemukakan Soalan

- 1) *Hakim Fatih* akan mengemukakan soalan dan peserta dikehendaki memulakan bacaan mengikut arahan *Hakim Fatih*.
- 2) Peserta yang melakukan kesilapan bacaan akan ditegur oleh *Hakim Munabbih*.
- 3) *Hakim Fatih* boleh menamatkan bacaan peserta pada bila-bila masa sahaja jika difikirkan perlu.
- 4) **Hakim Fatih** akan membacakan soalan tafsir bagi kategori 1-30 juzuk.
- 5) Soalan Tarannum akan diundi pada hari pendaftaran.
- 6) Muqarrar Tafsir adalah **Juzuk 13** menggunakan tafsir pimpinan Ar-Rahman

Jenis dan Cara Bacaan

- 1) Peserta hendaklah membaca riwayat *Hafs (Toriq Shatibi)*.
- 2) Peserta dikehendaki mempersembahkan hafazan secara *tadwir* sahaja.
- 3) Peserta bagi kategori 1-10 Juzuk Lelaki dan Perempuan akan mempersembahkan sekurang-kurangnya 2 jenis lagu Tarannum.

Sistem pemarkahan

1. 1-10 juzuk

Bahagian	Markah
Kelancaran hafazan	50 markah
Hukum tajwid	20 markah
Fasohah	10 markah
Tarannum	10 markah
Suara	5 markah
Persembahan	5 markah

2. 1- 20 Juzuk

Bahagian	Markah
Kelancaran hafazan	60 markah
Hukum tajwid	20 markah
Fasohah	10 markah
Suara	5 markah
Persembahan	5 markah

3. 1-30 Juzuk

Bahagian	Markah
Kelancaran hafazan	50 markah
Hukum tajwid	20 markah
Fasohah	10 markah
Tafsir	10 markah
Suara	5 markah
Persembahan	5 markah

PERINGATAN

Keputusan hakim adalah **muktamad**.

Sebarang pertanyaan berkaitan Pertandingan Hafazan Al-Quran Ulul Albab boleh menghubungi Penyelaras Pertandingan iaitu **Ustaz Muhammad Firdaus Bin Bakrin** di talian **013-3413808**.

Tarikh tutup pendaftaran penyertaan (secara atas talian): 16 Jun 2017 (Jumaat).